

# Laporan Kes *Sidek bin Haji Awang lawan Halimah bt. Musa*

*Claim on Harta Sepencarian - Share Effort - Customary estate - Gifts -  
Dom Estate - Maintenance kept for acquisition of wealth - Whether  
Children's right Effects the Claim of Harta Sepencarian - Reverse the De-  
cision of Kadi's Court - Mutual Agreement*

(Kes Mal Bil.9/1989)\*  
Mahkamah Rayuan Syariah Kelantan

Perayu dalam kes ini tidak puas hati di atas keputusan hakim bicara (Kadi Khas) yang telah mengeluarkan perintah dan hukuman pada 3 Oktober 1989 bahawa kesemua tanah termasuk harta dom perayu di atas tanah Lot No.765, Mukim Pasir Puteh, Daerah Limbongan, Jajahan Pasir Puteh, Kelantan dihukum dibahagi dua dengan bekas isteri perayu iaitu Halimah bt. Musa (responden). Ini kerana tanah tersebut bukanlah perayu beli dari orang asing, tetapi sebaliknya 3/4 bahagian adalah pemberian hidup oleh arwah bapa perayu, dan 1/4 bahagian sahaja dianggap sebagai Harta Sepencarian di antara perayu dan responden. Tanah berkenaan diserahkan pada masa arwah bapa perayu masih hidup yang ditaksirkan dengan harga RM6000, tetapi bapa perayu hanya perlukan wang sebanyak RM1500 untuk belanjanya pergi ke Mekah menuaikan rukun haji. Nilai RM1500 diperhargakan di atas kluasan 1/4 bahagian, dan tanah selebihnya 3/4 bahagian lagi diberikan kesemuanya kepada perayu. Perayu memohon kepada Mahkamah Rayuan supaya memansuhkan perintah dan hukuman yang diputuskan oleh Kadi Khas dan menggantikannya dengan hukuman bahawa 1/3 bahagian dari tanah tersebut disahkan sebagai Harta Sepencarian di antara perayu dan responden dan 3/4 bahagian lagi sebagai harta dom pemberian bapa perayu.

Dalam permohonan ulang bicara, perayu tidak puas hati di atas keputusan Mahkamah

---

\* (Kes Mal Bil. 29/89, Mahkamah Kadi Jajahan Pasir Puteh, Kelantan)

Kadi, kerana pada masa tersebut pihak perayu tidak dapat mengadakan saksi dan bukti yang kuat kerana tidak sempat untuk membeli surat carian rasmi bagi tanah yang terbabit.

Mahkamah Rayuan Syariah yang bersidang pada 27 Disember 1992, setelah mengkaji dan menghalusi segala isi kandungan buku musykil ipil (petisyen rayuan) serta mendengar segala hujah-hujah pihak responden, membuat keputusan sebulat suara iaitu:

- 1- Mengubah keputusan kadi bicara di Mahkamah Kadi Jajahan Pasir Puteh di dalam kes ini.
- 2- Dengan persetujuan kedua-dua pihak keseluruhan tanah GM.544 Lot No.765, Mukim Pasir Puteh, Daerah Limbungan, Jajahan Pasir Puteh, Kelantan dengan ini 1/3 bahagian hendaklah diberi kepada responden (Halimah bt. Musa), manakala 2/3 lagi hendaklah diberi kepada perayu.

### Sidang Mahkamah Rayuan

Y.B. Dato Haji Hasbullah bin Mohd.Hassan - Pengurus  
Yang Bhg. Dato' Wan Mohamad b. Wan Mustapha - anggota  
Al-Fadhil Haji Mohamad b. Yusoff - anggota

Sebelum Mahkamah Rayuan memutuskan kes ini, perayu terlebih dahulu diminta memberitahu mahkamah tentang alasan rayaunya. Perayu memberitahu mahkamah bahawa responden mendakwa bahawa tanah yang dipertikaikan itu adalah tanah yang dibeli oleh responden sendiri dan menuntut supaya dibahagi dua, tetapi perayu tidak bersetuju kerana tanah tersebut adalah tanah pesaka ayahnya (perayu). Setelah disoal oleh mahkamah, perayu memberitahu bahawa tanah yang dipertikaikan itu dibeli lebih kurang 20 tahun yang lalu dengan harga RM1500 dan kini dianggarkan RM10000. Apabila disoal mahkamah tentang adakah RM1500 itu 1/3 daripada tanah itu, tetapi perayu tetap mengatakan bahawa tanah itu bukan tanah yang dibeli, sebaliknya ia adalah tanah pesaka. Adapun wang RM1500 yang diberikan kepada ayahnya (yang ketika itu menetap di Jertih) adalah sebagai menampung perbelanjaan ayahnya yang hendak ke Tanah Suci. Setelah disoal oleh mahkamah perayu mengatakan bahawa duit yang diberikan kepada ayahnya itu semata-mata untuk menolong ayahnya. Perayu juga menafikan yang bayaran itu adalah duit isteri, tetapi sebaliknya menegaskan bahawa duit pemberian itu adalah duitnya sendiri hasil daripada simpanan semasa perayu berkerja di Seremban dan Klang. Perayu juga memberitahu mahkamah bahawa dia ada memberi kepada responden 6 ekar tanah lain. Tanah yang dipertikaikan ini tidak diberikan kepada responden kerana ia adalah tanah pesaka.

Mahkamah diberitahu oleh perayu bahawa hanya kira-kira sebulan dua setelah ayahnya kembali dari Mekah, penukaran hak milik ke atas tanah itu dibuat. Mahkamah menjelaskan kepada perayu, bahawa pemberian hidup tidak boleh dijadikan pesaka dan pesaka pula ialah bila orang itu meninggal dunia. Perayu juga menjelaskan kepada mahkamah bahawa semasa urusan pembelian dibuat, mereka suami isteri tidak lagi

berkerja bersama-sama kerana pokok getah telah ditebang, tetapi perayu memberitahu bahawa dia menoreh di tempat lain. Semasa disoal oleh mahkamah tentang duit untuk pembayaran tanah itu samada dari wang percampuran suami isteri, perayu menegaskan bahawa ia bukan duit bersama tetapi hasil dari makan gaji semasa perayu berkerja di keretapi. Mahkamah kemudiannya, memanggil responden untuk memberi keterangan awal dengan penjelasan tentang kedudukan anak mereka yang ramai. Responden juga mengakui yang perayu ada memberinya tanah seluas 6 ekar selain perayu juga ada 6 ekar, tetapi tanah pemberian tersebut terletak di bukit yang menurut responden sebagai "tempat gajah duduk". Responden juga memberitahu mahkamah bahawa hanya 2 orang anak mereka masih bersekolah dan yang lain telahpun berkerja. Mengikut responden, perayu semasa berkerja di tempat lain tidak membawanya bersama kerana dikatakan tidak boleh membawa isteri. Meskipun, responden tinggal bersama-sama datuknya, tetapi perayu tetap memberinya duit bulanan (nafkah). Responden menyimpannya dan tidak menggunakan duit itu atas nasihat datuknya. Perbelanjaan harian diberi oleh datuknya. Semasa ditanya mahkamah tentang jumlah duit yang disimpan untuk membayar tanah itu, responden memberitahu mahkamah bahawa responden terpaksa bergadai gelang tangan dengan harga RM60 untuk mencukupkan RM1500 seperti yang diminta oleh ayah perayu. Responden juga memberitahu mahkamah bahawa dia kini menumpang di rumah orang iaitu rumah subsidi yang diberi oleh kerajaan setelah orang yang mendiami itu meninggal dunia. Sebab itu, responden mengharapkan supaya dia mendapat separuh daripada tanah itu atau mengikut ihsan perayu dan berjanji tidak akan menjualnya kerana anak-anak ramai. Mahkamah kemudiannya memberi nasihat kepada perayu setelah perayu mengatakan bahawa dia tidak bermusuhan dengan responden dengan membacakan maksud hadith yang bermaksud:

*"Siapa-siapa yang mengambil satu jengkal daripada bumi di atas jalan zalim, maka bahwasanya Allah akan menggantung di atas lehernya pada hari kiamat sebanyak lapis bumi"*

Mahkamah juga cuba mengambil perhatian perayu samada hendak memberi sebahagian tanah tersebut kepada responden. Perayu kemudiannya bersetuju memberi hak kepada responden untuk mendirikan rumah di atas tanah itu dengan pertolongan anak-anak mereka dan bersetuju memberi 1 bahagian untuk responden dan 2 bahagian untuk perayu sendiri. Mahkamah kemudiannya memberi nasihat kepada responden yang seolah-olah enggan menerima pemberian perayu, kerana tidak mencukupi untuk diusahakan bagi memberi belanja kepada anak-anak, dengan menegaskan bahawa tanah tersebut adalah pemberian hidup ayah perayu dan juga wang yang dikirimkan itu bukan semata-mata untuk perbelanjaan (nafkah), tetapi juga untuk disimpan. Di samping itu, mahkamah menjelaskan bahawa tanggungjawab memberikan belanja anak-anak adalah tanggungjawab bapa (perayu). Tambahan pula, segala harta kepunyaan perayu akan menjadi pesaka kepada semua anak-anak. Mahkamah akhirnya sebulat suara membuat keputusan membahagikan tanah tersebut sebagaimana berikut:

- a-1/3 bahagian diberi kepada responden (Halimah bt. Musa)
- b-2/3 bahagian diberi kepada perayu (Sidek bin Haji Awang).

### Mahkamah Kadi Jajahan Pasir Puteh

Di dalam Penyata Tuntutan, plaintiff (Halimah binti Musa) dan defendant (Sidek bin Haji Awang) ialah bekas suami isteri yang sah. Mereka menjadi suami isteri selama tempoh lebih kurang 29 tahun. Mereka berkahwin kira-kira pada tahun 1960 dan bercerai pada 28 Januari 1989. Mereka dikurnia 8 orang anak. Dalam tempoh perkahwinan, plaintiff dan defendant menjalankan kerja-kerja di kampung iaitu sama-sama menoreh getah, bertanam padi dan sebagainya. Hasil pendapatan dari kerja serta usaha yang dilakukan itu, mereka telah dapat mengumpulkan sedikit demi sedikit dan dapat membeli sebidang tanah daripada bapa defendant dengan kadar RM1500 iaitu tanah memakai GM.544 Lot 765, Mukim Pasir Puteh, Daerah Limbongan, Jajahan Pasir Puteh, Kelantan yang didaftar milik defendant [Surat cabutan tanah serta laporan taksiran harga dilampirkan]. Selepas perceraian belaku, defendant enggan memberi atau membahagikan tanah Harta Sepencarian di atas kepada plaintiff. Plaintiff memohon mahkamah untuk mendapatkan hak sebahagian daripada tanah Harta Sepencarian berkenaan atas kadar sama-sama banyak, disamping bayaran kos perbicaraan. Semasa perbicaraan di mahkamah, plaintiff hadir sendiri tanpa peguam dan menyatakan setuju untuk berdamai jika defendant juga setuju berdamai. Manakala, defendant yang juga hadir tanpa menggunakan khidmat peguam, menyatakan persetujuannya untuk berdamai jika plaintiff bersetuju dengan harga pembelian tanah tersebut sebanyak RM1500. Tetapi, plaintiff tidak bersetuju dengan harga pembelian asal dan menuntut supaya tanah tersebut dinilai dengan harga semasa iaitu dengan harga RM14000 kerana luasnya lebih dari 1 ekar. Plaintiff kemudiannya memohon mahkamah mengemukakan dua orang saksi. Semasa disoal balas oleh defendant terhadap plaintiff, defendant mengakui sendiri bahawa tanah itu adalah kepunyaan ayah defendant dan menjualkannya kepada defendant. Tetapi menurut defendant, tanah tersebut adalah tanah pesaka ayahnya. Semasa ayah defendant hendak pergi ke Mekah, defendant ada mengeluarkan duit sebanyak RM1500 untuk perbelanjaan ayahnya. Begitu pun, plaintiff merayu supaya defendant memberi tanah itu untuk tempat tinggalnya dan memelihara anak-anak lelaki mereka. Saksi pertama (Ismail bin Samat) yang juga bapa saudara plaintiff memberitahu mahkamah bahawa Haji Awang telah menjual tanah itu kepada plaintiff (Halimah). Tetapi, tidak dapat mengemukakan saksi semasa penjualan tanah tersebut setelah disoal balas oleh defendant meskipun dia mengakui bahawa tanah tersebut dibeli bersama oleh plaintiff dan defendant iaitu setelah disoal semula oleh plaintiff. Saksi kedua (Sulaiman bin Said) pula memberitahu mahkamah bahawa tanah yang dipertikaikan tersebut dibeli oleh Halimah sewaktu ayahnya (mertua) hendak menunaikan ibadat haji dengan harga RM1500. Semasa disoal oleh plaintiff, saksi kedua menjelaskan bahawa tanah tersebut dibeli bersama plaintiff dan defendant. Saksi kedua juga mengakui bahawa tanah tersebut adalah tanah ayah defendant setelah disoal balas oleh defendant. Walau bagaimanapun, defendant tidak membawa saksi untuk memberi keterangan dalam perbicaraan ini bagi pihaknya. Semasa mahkamah memberi peluang kepada kedua-dua pihak untuk menggulung hujah masing-masing, plaintiff tidak berkata apa-apa melainkan berkata "serah kepada mahkamah, itu saja", kecuali defendant yang tetap mempertahankan

bahawa tanah yang dipertikaikan itu adalah tanah pesaka ayahnya, malah beliau sanggup memulangkan semula wang sebanyak RM1500 itu kepada plaintif.

### **Ulasan Mahkamah**

Plaintif dalam kes ini telah mengemukakan tuntutan sebagai tuntutan Harta Sepencarian. Plaintiff juga telah mengemukakan dua orang saksi yang memberi keterangan bagi pihaknya iaitu Ismail bin Samat, berumur 50 tahun dan Sulaiman bin Said berumur 60 tahun. Kedua-dua saksi tersebut diterima dari segi Syarak kerana keduanya akil baligh, tidak ada kecatatan dari segi mental dan fizikal. Plaintiff dalam kes ini menyatakan bahawa dia telah membeli tanah di lot No.765 berpakat dengan defendant dengan harga RM1500 semasa dalam tempoh perkahwinan mereka kira-kira 29 tahun itu dan tanah tersebut didaftarkan atas nama defendant. Defendant menafikan dan mempertikaikan kenyataan plaintiff dengan mengatakan bahawa tanah lot No.765 tersebut adalah pesaka ayahnya, dan duit sebanyak RM1500 itu sebenarnya diberi percuma kepada ayahnya kerana dia (ayah defendant) hendak menunaikan fardu haji di Mekah. Tanah yang dipertikaikan GM.544 lot No.765 dalam Daerah Limbungan, Jajahan Pasir Puteh, Kelantan, keluasannya ialah 1 ekar 418 depa dan dinilai oleh pentaksir Tg.Mohd. Salleh b. Tg.Yusof sebanyak RM14000. Defendant mengatakan bahawa semasa mereka menjadi suami isteri dengan plaintiff, sama-sama menoreh getah, bertanam padi dan sebagainya sehingga dapat mengumpul kan wang sedikit demi sedikit dan dapat membeli tanah tersebut. Fakta ini tidak dinafikan langsung oleh defendant. Mahkamah berpendapat bahawa adalah munasabah dan wajar tanah tersebut dibeli oleh plaintiff bersama defendant dan didaftarkan atas nama defendant. Oleh kerana usaha dan sumbangan plaintiff dan defendant atas dasar sama-sama berkerja dan berusaha, maka mahkamah berpendapat patut tanah tersebut dibahagi dua secara sama banyak iaitu 709 depa setiap seorang. Walau bagaimanapun, defendant tidak mengemukakan saksi untuk memberi keterangan bagi pihaknya.

### **Keputusan Mahkamah**

Setelah mahkamah menghalusi kenyataan plaintiff dan keterangan dua orang saksi bagi pihaknya, maka didapati terang dan jelas. Oleh itu, mahkamah mensabitkan tuntutan plaintiff iaitu adanya Harta Sepencarian dan membuat hukuman bahawa tanah GM544 No.765 Mukim Pasir Puteh, Daerah Limbungan, Jajahan Pasir Puteh seluas 1 ekar 418 depa hendaklah dibahagi dua sama banyak iaitu sebanyak 709 depa tiap-tiap seorang, mengikut seksyen 46 Enakmen Keluarga Islam Kelantan Bil.1/1983.

**Hakim:** Haji Mohd. Lutpi b. Hj. Nor  
Kadi Khas Kelantan

**Pelapor:** Suwaid bin Tapah